



JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (129-144)

Padanan dan Prosedur Terjemahan Perlambangan Pancaindera dalam Peribahasa Inggeris – Melayu

*¹Zuraidah Jantan, ²Rozaimah Rashidin, Norizah Ardi & Azhar Ab Wahab
zuraidah0420@uitm.edu.my, rozai451@uitm.edu.my, norizah@uitm.edu.my, azhar959@uitm.edu.my

*Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor*

**¹Penulis Koresponden, ²Penulis Utama*

Tarikh terima : 10 Julai 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 25 November 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023
Published online

Abstrak

Pancaindera banyak digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa. Unsur perlambangan yang terdapat dalam peribahasa dipengaruhi oleh budaya masyarakat sesuatu bahasa. Kadangkala terdapat perbezaan perlambangan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran, disebabkan oleh *world-view* yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut. Oleh itu, dalam menentukan padanan yang tepat pengetahuan penterjemah terhadap makna perlambangan sangat penting. Padanan yang tepat dihasilkan oleh penterjemah dengan memahami makna dan fungsi peribahasa Inggeris sebagai bahasa sumber mengikut konteks penggunaannya. Kemudian baharulah padanan bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran dihasilkan. Prosedur yang digunakan juga menentukan ketepatan padanan yang dihasilkan. Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis padanan dan prosedur terjemahan perlambangan pancaindera yang terdapat dalam peribahasa Inggeris-Melayu. Data kajian bersumberkan Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris-Melayu (2009) serta laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka. Analisis dilakukan dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif melalui Prinsip Invarians (Lakoff, 1993) dan prosedur terjemahan lambang idiom (Bao & Boa, 2004). Pancaindera ini merujuk kepada deria rasa, penglihatan, pendengaran, bau dan perasaan yang masing-masing melibatkan lidah, mulut, mata, telinga, hidung dan hati (perasaan). Berdasarkan pendekatan semantik kognitif, kajian ini memperlihatkan pengaplikasian linguistik yang berbeza dalam bidang penterjemahan yang sebelum ini kurang menghubungkan dengan kognitif serta budaya masyarakat sesuatu bahasa.

Kata kunci: perlambangan; pancaindera; peribahasa; prosedur terjemahan

Equivalents And The Procedure Of Translating Senses Symbolism In English-Malay Proverbs

Abstract

Senses are widely used as representation/symbolism in proverbs. The symbolism in proverbs is influenced by the culture/origin of the language. Sometimes there are different symbolism between the original language and the target language due to different world view between the two languages. Therefore, in determining the accurate/correct match, the translator's knowledge on symbolism is crucial/ is important. The accurate match is produced by a translator who understands the meaning and function/purpose of English proverbs as the source language based on the context of use. Then only equivalent in the Malay language as the target language is produced. The procedure is used to determine the accuracy of the match that is produced. The objective of this article is to identify and analyses the matches and the procedure of translating sensory symbolism in English-Malay proverbs. The sample is obtained from *Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris-Melayu (2009)* and *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*, *Dewan Bahasa dan Pustaka's website*. Cognitive semantics is used to analyse the data using *Invariant Principle (Lakoff, G. 1993)* and the procedure of translating the idiom symbols (Bao & Boa, 2004). Senses is referred to the sense of taste, sight, hearing, smell and other senses relating to tongue, mouth, eyes, ears, nose and heart (feelings). Based on cognitive semantics, this research is seen to apply different linguistics in comparison to translation that was less likely to relate cognitive as well as the culture of the origin of the language.

Keywords: *symbolism; senses; proverbs; translation procedures*

1. Pengenalan

Peribahasa dirujuk sebagai bentuk ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu, manakala nilai merujuk kepada darjah, kualiti, mutu dan taraf serta sifat ketinggian dari segi pemikiran, agama, kemasyarakatan dan sebagainya (Kamus Dewan, 2007). Peribahasa merupakan gabungan dua perkataan, iaitu *peri* dan *bahasa*. *Peri* merujuk kepada hal, keadaan, sifat, cara, kejadian, dan peristiwa. Manakala *bahasa* ialah satu sistem lambang bunyi yang diguna oleh manusia untuk meluahkan fikiran dan perasaan untuk menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam satu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar atau masyarakat bahasanya (Zainon Hamzah & Mat Hassan, 2011).

Zainon Hamzah & Mat Hassan (2011) menegaskan bahawa, peranan peribahasa sebagai wadah untuk menterjemahkan nilai kebudayaan sesebuah bangsa sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu. Penekanan terhadap nilai murni dalam peribahasa adalah untuk membentuk dan melahirkan insan yang baik dan memiliki akhlak yang mulia selain menonjolkan keperibadian bangsa ke peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi kini. Penggunaan peribahasa dikaitkan juga dengan peraturan hidup orang zaman dahulu ketika undang-undang yang rasmi masih belum wujud. Hal ini demikian kerana berdasarkan pemerhatian dan kepekaan orang dahulu terhadap hukum alam yang tidak termaktub di mana-mana, lalu dikaitkan dengan kehidupan masyarakat mereka yang berfungsi untuk mengawal perilaku hidup manusia bermasyarakat.

Hussain (2006) menegaskan bahawa, orang bijak pandai zaman dahulu menghasilkan dan mencipta petua, nasihat, petunjuk sebagai tatatertib dalam pergaulan dan hubungan manusia. Petua, nasihat dan petunjuk ini telah diambil dari alam sekeliling seperti perangai dan sifat manusia sendiri, sifat dan tabiat binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Oleh itu, menurut Halliday (1976 dalam Othman, 2005) yang menggunakan istilah fungsi bagi menunjukkan sifat komunikasi yang sentiasa mendukung matlamat yang ditetapkan. Beliau menyenaraikan tujuh fungsi bahasa iaitu instrumental, pengawalan, pernyataan, interaksi, personal, arahan dan penggambaran. Walaupun bahasa bersifat arbitrari, tetapi penggunaannya tidaklah dengan sewenang-wenangnya tanpa ada sebab. Penggunaan bahasa memerlukan pengguna memilih unsur dan bentuk bahasa yang memungkinkan keperluan hidup, terutamanya

keperluan komunikasi. Peribahasa juga boleh memberikan gambaran dan mencerminkan corak pemikiran, tindakan, kesukaran, kebencian sesuatu masyarakat terhadap sesuatu perkara. Ia bertindak sebagai petunjuk kepada masyarakat sesuatu bangsa itu untuk memiliki cara hidup yang lebih baik, kebanyakannya mementingkan keluhuran dan ketinggian budaya. Peribahasa dapat menonjolkan ketinggian intelektual dan menunjukkan kekayaan budaya bahasa sesuatu masyarakat.

Ungkapan peribahasa dicipta oleh generasi terdahulu bertujuan untuk melahirkan rasa hati atau perasaan. Masyarakat dahulu kurang menggunakan bahasa bersifat langsung dan berterus terang. Sehubungan dengan itu, lambang atau objek merupakan salah satu unsur yang penting dalam pembentukan peribahasa (Goh, 2009). Melalui pengalaman hidup, lambang yang wujud di persekitaran sering dijadikan objek atau perlambangan untuk membayangkan sesuatu makna secara tersirat dalam bentuk bahasa. Namun begitu, Lim (2003) dalam Shabudin, (2005) berpendapat bahawa antara unsur yang sukar untuk diterjemahkan adalah unsur budaya kerana keunikannya yang tersendiri dan konsepnya bersifat kompleks. Justeru itu, dalam penterjemahan peribahasa, unsur lambang adalah penting sebagai penentu pendekatan penterjemahan yang perlu digunakan. Edward (1871) dalam Ardi (et.al, 2011) menyatakan budaya adalah sesuatu yang kompleks dan menyeluruh yang merangkumi aspek pengetahuan, kepercayaan, seni, undang-undang, moral, adat dan sifat seseorang dalam komuniti sosial. Setiap bahasa itu unik kerana sifat-sifat sesuatu bahasa itu dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakatnya. Bahasa juga merupakan firasat atau petunjuk kepada kebudayaan masyarakat pendukung atau penuturnya Ardi (et.al, 2011).

Pancaindera banyak digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa. Dalam menyusun peribahasa Inggeris-Melayu, terjemahan memainkan peranan penting bagi menentukan ketepatan padanan. Unsur perlambangan yang terdapat dalam peribahasa dipengaruhi oleh budaya masyarakat sesuatu bahasa. Kadangkala terdapat perbezaan perlambangan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, disebabkan oleh *world-view* yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut. Dalam menjalankan kerja-kerja terjemahan, penterjemah perlu mengambil kira sistem nilai yang ada dalam budaya bahasa sumber agar penterjemahan yang baik dapat dihasilkan. Seperti yang dinyatakan oleh Bassnett (1991) "*the translator must tackle the SL text in such a way that the TL version will correspond to the SL version... To attempt to impose the value system of the SL culture onto the TL culture is dangerous ground*". Oleh itu, dalam menentukan padanan yang tepat pengetahuan penterjemah terhadap makna perlambangan sangat penting. Padanan yang tepat dihasilkan oleh penterjemah dengan memahami makna peribahasa Inggeris sebagai bahasa sumber dan bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran. Prosedur yang digunakan juga menentukan padanan yang dihasilkan adalah tepat.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis padanan dan prosedur terjemahan pancaindera yang terdapat dalam *Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris-Melayu* serta di laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM, Dewan Bahasa dan Pustaka) berdasarkan Prinsip Invarians. Chen (2005). menyatakan bahawa cara menterjemah peribahasa dalam teks dan peribahasa dalam buku/kamus adalah berbeza. Hal ini demikian kerana, padanan terjemahan peribahasa yang diberikan dalam buku/kamus tidak boleh digunakan terus untuk menterjemah peribahasa dalam teks, begitu juga sebaliknya. Ini adalah kerana, peribahasa yang digunakan dalam teks melibatkan konteks penggunaannya manakala peribahasa dalam buku/kamus bersifat tetap dan tersendiri.

2. Kajian Lepas

Beberapa kajian yang berkaitan terjemahan dan aspek semantik terhadap peribahasa telah dilakukan oleh Boh & Goh (2014), Mohd Sa'ad (et al, 2015), Abdul Rahman & Abdul Halim (2016), Jambi & Abdullah. (2018), Ahmad & Rashidin (2011), dan Abdullah (2011).

Boh & Goh (2014) meneliti strategi terjemahan chengyu ke dalam bahasa Melayu. Chengyu merupakan subkategori peribahasa Cina yang tersusun daripada empat aksara yang indah dan puitis serta

mengungkapkan makna tertentu, sama ada secara tersurat ataupun secara tersirat. Kajian strategi penterjemahan chengyu ke dalam bahasa Melayu ini melibatkan 208 chengyu yang diambil secara manual daripada novel Ji iaitu merupakan karya susastera agung yang telah dihasilkan oleh sasterawan negara China, Ba Jin pada awal abad ke-20. Karya terjemahannya bertajuk Keluarga telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1995). Kajian mereka berdasarkan pendekatan penterjemahan Larson (1984), definisi dan pengkategorian chengyu yang dikemukakan oleh Wu Zhan Kun dan Wang Qin serta strategi penterjemahan chengyu Chen Wen Bo. Hasil kajian mendapati bahawa penterjemahan chengyu bersifat dinamik. Strategi penterjemahan yang diaplikasikan dipengaruhi oleh tiga faktor yang utama, iaitu jenis chengyu yang hadir dalam teks sumber, konteks ayat kehadirannya serta kesamaan dan kelainan konsep pemikiran antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Strategi penterjemahan yang dikenal pasti ialah strategi terjemahan lambang, terjemahan makna, terjemahan separa, pengguguran, terjemahan pragmatik dan terjemahan literal. Strategi terjemahan separa Chen boleh diperluas untuk dimanfaatkan dalam penterjemahan chengyu yang binaan hadapan mengandungi makna yang berlainan daripada makna binaan belakang. Kajian ini turut menemukan dua strategi baharu, iaitu strategi serangkai yang melibatkan gabungan mana-mana dua strategi serta strategi pemberian padanan sejadi. Kesimpulannya, usaha penerokaan makna chengyu secara menyeluruh serta penerapan strategi penterjemahan yang sesuai dan berkesan amat mustahak bagi menjamin ketepatan penyalinan semula makna di samping mengekalkan lambang dan bentuk yang sama ke dalam bahasa sasaran.

Mohd Sa'ad (et al, 2015) telah meneliti idiom dalam bahasa Arab. Kajian ini membincangkan persamaan dan perbezaan antara struktur dan makna idiom-kolokasi berdasarkan Ghazala (2004) bahawa idiom dan kolokasi terbahagi kepada dua isu utama iaitu makna dan struktur. Melalui kajian ini, mereka telah membuat kesimpulan bahawa dalam konteks terjemahan Arab-Melayu, struktur kolokasi Arab dibina dengan kombinasi leksikal yang lazim maknanya, boleh difahami melalui makna literal, tidak terikat dengan implisit tatabahasa dan boleh membuat perubahan pada makna perkataan, manakala struktur idiom Arab didefinisikan sebagai ungkapan tersendiri, mendokong unsur idiomatik, figuratif, budaya, maknanya tidak difahami dari struktur asal perkataan, dan kombinasinya tidak boleh diubah dengan pendekatan sinonim bahasa Melayu. Perkara ini disebabkan, hasil analisis mendapati bahawa persamaan utama antara kedua-duanya adalah melalui pembentukan pola struktur iaitu KN+KN (adjektif), KN+KN (frasa idafah), KK+KS+KN (المركب الفعلي وشبه الجملة), KK+KN (frasa kerja), KN+KS+KN (المركب الاسمي), dan KS+KN+KN (المركب العباري) seperti yang dinyatakan oleh Ghazala (2007) bahawa struktur kolokasi bahasa Arab antaranya ialah [KS+KN], [KK+KS], [KK+KS+KN], [KN+KS+KN] dan [KS+KN+KN]. Secara terperinci, hasil kajian mendapati bahawa terdapat struktur idiom yang terdiri daripada satu kata, contohnya: منعطف yang bererti 'suatu tempat yang penting'. Di samping itu terdapat juga struktur yang membentuk ungkapan peribahasa, contohnya: 'من شابه أباه فما ظلم' suatu tindakan oleh seorang anak yang menyerupai tindakan ayahnya' yang boleh disamakan penggunaan dengan peribahasa Melayu 'bapa borek anak rintik'. Begitu juga ungkapan perumpamaan, seperti: 'كلام الليل يحوه النهار' yang digunakan untuk menunjukkan perumpamaan mengenai 'seseorang yang berjanji dan tidak mengotakannya', dan 'كان على رؤسهم الطير' mengumpamakan 'seseorang yang begitu tenang dan memberi tumpuan terhadap pembicara'. Wujud juga ungkapan berbentuk kiasan, contohnya: 'لا في النفير' sebagai kiasan bagi sesuatu yang 'tiada kepentingan'. Terdapat juga ekspresi idiomatik yang memberikan makna khusus, contohnya: 'لا طائل من ورائه' yang bermaksud 'tidak berfaedah'.

Abdul Rahman.& Abdul Halim (2016) membincangkan strategi penterjemahan bahasa kiasan bahasa Arab ke bahasa Melayu. Mereka memberikan tumpuan kepada aspek tashbih, isti'arah, kinayah dan mathal dalam sari kata drama *Arab Flag of Truth*. Strategi penterjemahan telah diaplikasi dalam menterjemahkan bahasa kiasan di samping menganalisis strategi penterjemahan yang sesuai untuk diguna pakai dalam menangani bentuk-bentuk bahasa kiasan yang dibincangkan. Kajian ini berpandukan kepada strategi penterjemahan metafora yang dikemukakan oleh Newmark (1980) terhadap sembilan sampe data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga strategi penterjemahan yang menjadi pilihan penyari kata, iaitu penterjemahan literal, pentafsiran dan penggantian. Berdasarkan sampel-sampel yang dipilih, penggunaan strategi penterjemahan literal adalah paling tinggi. Kajian ini juga mendapati strategi

pentafsiran tidak boleh menghasilkan terjemahan yang terlalu panjang dan strategi penggantian pula dianggap sangat sesuai untuk membantu penonton memahami mesej cerita dengan pantas dan mudah dalam teks sari kata yang terikat dengan kekangan ruang dan masa.

Jambi & Abdullah. (2018), pula menganalisis terjemahan bahasa figuratif daripada novel bahasa Jepun yang bertajuk “Kokora” terjemahan bahasa Melayu “kalbu”. Fokus kajian ini adalah melihat bahasa figuratif dan strategi penterjemahan bahasa figuratif oleh Larson iaitu metonimi, sinekdot, kiasan, eupemisme, hiperbola, simili, metafora, personafikasi dan onomatopoeia. Dalam masyarakat Jepun, bahasa figuratif atau Hiyu dikenali sebagai ‘tatoeruyang’ merujuk kepada perumpamaan yang menjadi kriteria asas sesuatu bahasa figuratif untuk meluahkan perasaan. Strategi yang ditemui adalah strategi mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa figuratif bahasa sumber. Keadaan ini dapat dilihat melalui contoh perkataan 鍵 (kunci) yang melambangkan alat yang boleh membuka sesuatu dan perhubungan istimewa di antara kunci-hati dan 鍵-命 memang banyak digunakan secara figuratif. Strategi seterusnya menukarkan bahasa figuratif bahasa sumber kepada bahasa figuratif bahasa sasaran yang mempunyai makna yang serupa seperti 貰い子 datang daripada dua perkataan iaitu 貰い (menerima) dan 子 (budak atau anak). Bagi strategi keempat ialah mengekalkan bahasa figuratif bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya, iaitu 晴れた空 (langit cerah) jika diterjemahkan secara literal akan menimbulkan kekaburan. Dalam masyarakat Melayu, langit cerah bererti cuaca panas yang membawa imej yang negatif manakala di dalam bahasa Jepun imejnya positif. Oleh sebab itu 晴れた空 (langit cerah) masyarakat Jepun adalah cuaca cerah dengan langit yang biru menawan berbeza dengan cuaca cerah di dalam perspektif masyarakat Melayu. Strategi akhir yang ditemui adalah strategi menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur-unsur bahasa figuratif bahasa sumber atau tidak diterjemahkan atau melakukan proses pelepasan. Data 心を温かにした (memanaskan atau menghangatkan hatiku) membawa makna yang salah di dalam bahasa Melayu sekiranya digunakan secara literal kerana menghangatkan hatiku membawa makna sakit hati atau menjadi marah. Dalam masyarakat bahasa sumber 暖か (い merujuk kepada panas yang selesa yang membawa imej positif manakala dalam bahasa sasaran maknanya merujuk kepada imej yang negatif. Namun demikian terdapat juga keadaan terjemahan bahasa figuratif tidak perlu diubah seperti perbandingan 馬車の馬のように dan kuda yang menarik kereta kuda. Oleh kerana di dalam bahasa sasaran imej yang menggunakan binatang jenis kuda ini jarang atau tiada dalam bahasa sasaran, maka perbandingan tersebut dianggap tidak penting kerana akan menyebabkan kekeliruan atau kesamaran di pihak pembaca bahasa sasaran. Oleh yang demikian perbandingan 馬車の馬のように dilesapkan dan menumpukan kepada perkataan 鞭打たれた yang membawa makna memaksa atau membuatkan seseorang melakukan sesuatu dengan penuh tumpuan kerana kepentingannya atau kesuntukan waktu lalu [...aku tidak memikirkan yang lain...] adalah lebih bersahaja dan sejadi untuk terjemahan ke dalam bahasa sasaran. Berdasarkan kajian ini, mereka mendapati bahawa terjemahan yang dilakukan tidak seharusnya diterjemah secara literal, namun penterjemahan yang dilakukan perlulah melihat dari pelbagai aspek budaya.

Seterusnya, Ahmad & Rashidin (2011) melihat pemindahan simbolisme “AIR” dalam peribahasa bahasa Melayu ke dalam peribahasa bahasa Inggeris dengan tujuan untuk mengenal pasti kebolehterjemahan simbolisme “Air” dalam bentuk topologi kognitif. Pemilihan simbol “Air” disebabkan leksikal tersebut merupakan simbol asas dalam kehidupan manusia menyebabkan perlambangan tersebut sering ditemui dan diterapkan di dalam sesebuah bidalan, simpulan bahasa mahupun peribahasa. Kajian ini mengaplikasikan Prinsip Varians yang dikemukakan oleh Lakoff, G. (1993) bagi melihat pembentukan skemata domain sumber kepada domain sasaran. Perbezaan budaya Melayu-Inggeris biasanya menyebabkan para penterjemah menghadapi pelbagai kesukaran dalam memahami makna sesuatu peribahasa. Hal ini kerana, makna sesuatu peribahasa itu biasanya ditentukan oleh latar belakang budaya, pengalaman dan topologi kognitif (struktur skema imej) pengguna atau penutur kedua-dua bahasa ini. Data kajian melibatkan himpunan koleksi peribahasa bahasa Melayu yang diperolehi secara deskriptif daripada Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris (2007). Kajian ini menerapkan pemetaan struktur skema imej daripada ranah sumber kepada ranah sasaran untuk ungkapan yang melambangkan “Air”. Dengan

menggunakan kerangka prinsip tersebut, kajian ini memperlihatkan struktur skemata mandala atau simbolisme “Air” dalam peribahasa bahasa Melayu dipindahkan dalam peribahasa Bahasa Inggeris seterusnya dapat menonjolkan perspektif masyarakat Melayu terhadap perlambangan yang terdapat dalam sebuah peribahasa.

Hasil kajian mendapati bahawa wujud penggunaan simbolisme AIR dalam kedua-dua bahasa melalui contoh peribahasa ‘bagai mencurah air ke daun keladi’ yang mendukung makna ibarat memberikan nasihat kepada seseorang tetapi hanyalah sia-sia. Simbolisme AIR dalam peribahasa tersebut merujuk kepada “nasihat”, manakala mencurah merujuk sebagai perbuatan memberikan. Ungkapan ke daun keladi dipetakan sebagai perbuatan yang sia-sia. Hal ini menunjukkan dalam perspektif Melayu skema metaforikal simbolisme air merujuk kepada nilai “positif” manakala peribahasa ‘like water off a duck’s back’ merujuk kepada satu perbuatan seperti menghina dan tidak memberi kesan apa pun. Perspektif masyarakat Inggeris simbolisme AIR dalam ungkapan tersebut lebih kepada makna negatif tetapi tujuannya adalah positif jika dilihat dari segi keseluruhan makna yang didukung oleh peribahasa itu. Perbezaan antara simbolisme AIR yang terkandung dalam kedua-dua peribahasa menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menggunakan pendekatan yang berhemah dalam menegur seseorang, manakala masyarakat barat lebih bersifat berterus-terang dalam menunjukkan perasaan marah terhadap sesuatu perkara. Kesimpulan penilaian pengkaji terhadap kajian yang dijalankan mendapati kedua-dua masyarakat mengangkat simbolisme AIR berdasarkan cara perspektif atau kaca mata pemikiran masyarakat.

Kajian berasaskan topologi kognitif terhadap peribahasa juga telah dilakukan oleh Abdullah (2011) dengan memperlihatkan perlambangan simbol haiwan iaitu “ANJING” dalam peribahasa Melayu. Kajian beliau menjurus kepada ciri-ciri atau tabiat haiwan yang dianalisis adalah bersifat sejagat atau khusus kepada budaya tertentu sahaja melalui simbol yang diungkapkan dalam peribahasa. Kerangka kognitif semantik yang dikenali sebagai Metafora Rangkaian Utama Makhluk yang dicetuskan oleh Lakoff & Turner (1989) melalui kajian yang pernah dilakukan oleh Kovesces (2002) digunakan untuk menghuraikan analisis kajian. Kerangka tersebut menginterpretasi peribahasa yang mengandungi simbol haiwan bagi merungkaikan struktur tahap generik yang sama atau boleh dibandingkan seperti dalam peribahasa anjing meyalak bukit takkan runtuh. Simbolisme “ANJING” diskemakan menjadi “orang yang jahat”, perbuatan menyalak dipetakan sebagai kelakuan “mencela”, bukit diskemakan sebagai “orang baik” dan runtuh dipetakan menjadi “binasa kebaikan” dalam struktur tahap generik yang sama. Kajian ini memperlihatkan model budaya Rangkaian Utama Makhluk telah merungkaikan pandangan masyarakat Melayu terhadap simbolisme “ANJING”. Sebelum itu, Lakoff & Turner (1989) menyatakan bahawa ANJING dilambangkan sebagai teman yang boleh diharap dan setia menerusi perspektif barat tetapi sebaliknya dalam budaya Melayu, simbolisme ANJING merujuk kepada haiwan yang hina, lemah dan jahat. Perbezaan tersebut jelas ditunjukkan menerusi proposisi dan skema metaforikal yang ditunjukkan dalam analisis peribahasa yang mempunyai simbolisme ANJING. Kajian berasaskan kerangka linguistik kognitif terhadap ungkapan peribahasa seperti yang dinyatakan memperlihatkan kebolehjelasan secara deskriptif dan eksplanatori tentang perkaitan kewujudan bentuk struktur skemata peribahasa dengan falsafah pemikiran sesebuah masyarakat.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, pengkaji terdahulu memfokuskan kajian kepada strategi, prosedur terjemahan dan aspek makna dalam peribahasa itu sahaja. Kajian yang melihat aspek makna menggunakan Prinsip Invarians dilihat masih kurang dijalankan dalam menentukan ketepatan makna padanan dengan mengambil kira sistem nilai budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran.

3. Metodologi

Bahagian ini menyentuh secara ringkas tentang pendekatan dan data kajian, kerangka analisis yang digunakan serta kerangka konsep perlambangan pancaindera.

3.1 Pendekatan dan Data Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan data-data berbentuk teks atau perkataan dan penganalisan dibuat dengan menjelaskan dan menganalisis perkataan-perkataan (data) tersebut berpandukan teori yang sesuai (White & Marsh 2006). Menurut Krippendorff dan White & Marsh (2006), analisis kandungan ini merupakan kaedah kajian yang berguna untuk membuat kesimpulan yang diulang, sah dan sahih dari teks bagi konteks yang digunakan. Ia juga melibatkan prosedur yang khusus bermatlamat untuk menimbulkan dan mewujudkan pandangan baru, serta meningkat kefahaman pengkaji berkaitan dengan situasi-situasi tertentu. Dalam kajian ini, analisis kandungan sangat sesuai kerana data kajian dalam bentuk teks bertulis. Teks yang digunakan melibatkan teks dari bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kaedah ini juga melibatkan prosedur terjemahan dan Prinsip Invarians yang diterapkan dalam menganalisis data seterusnya mewujudkan pandangan serta alternatif baharu dalam kajian terjemahan.

Kajian ini menggunakan data sekunder daripada *Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris Melayu* (2009) dan peribahasa tersebut telah dirujuk kesahihannya di Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) Dewan Bahasa dan Pustaka (<https://prpm.dbp.gov.my/>). Buku ini telah disusun dan dimasukkan sebanyak mungkin peribahasa ungkapan Inggeris yang mempunyai padannya dalam peribahasa Melayu. Hasilnya, sebanyak 191 kata masukan berjaya dikumpulkan dan daripada jumlah ini, 114 entri diberikan keterangan penuh seperti takrifan, padanan, contoh ayat dan sebagainya (Amir Muslim, 2009). Namun, dalam kajian ini hanya 10 sahaja peribahasa yang menggunakan perlambangan pancaindera melibatkan pancaindera MATA, TELINGA, LIDAH, HATI dan MULUT ditemui dan dianggap sebagai lengkap. Selain daripada itu makna peribahasa bahasa Inggeris juga telah dirujuk daripada *Merriam-Webster.com dictionary*.

Jadual 1

Data Peribahasa dari *Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris Melayu* (2009)

| Data | Peribahasa / Ungkapan | Makna |
|------|--|---|
| 1 | Inggeris <i>Love is blind</i> Melayu <i>Cinta itu buta</i> | <i>Used to say that people do not see the faults of the people that they love.</i> Cinta yang menurut hawa nafsu berbanding dengan kewarasan akal budi sehinggakan seseorang itu tidak nampak akan atau tidak mahu mengakui keburukan orang yang dikasihi. |
| 2 | Inggeris <i>Walls have ears</i> Melayu <i>Lantai dan dinding bertelinga belaka</i> | <i>Used to say that other people could be listening to what someone is saying.</i> Berwaspada apabila bercakap tentang sesuatu perkara terutamanya yang rahsia kerana ada yang akan mendengarnya tanpa disedari. |
| 3 | Inggeris <i>Look before you leap</i> Melayu <i>Pilin telinga saring-saring</i> | <i>To think or learn about the possible bad results of an action before doing it.</i> Fikir masak-masak sebelum bertindak atau melakukan sesuatu pekerjaan supaya tidak menyesal kemudian terutamanya yang boleh mengundang rosiko. |
| 4 | Inggeris <i>Every man to his taste.</i> (Lidah) Melayu <i>Lain dulang lain kaki, lain orang lain hati.</i> | <i>Everyone has different likes or preferences.</i> Setiap orang berbeza kesukaannya. |
| 5 | Inggeris <i>Don't poke your nose into other people's business</i> | <i>Stop meddling in what does not concern that person.</i> |

| | | | |
|----|----------|---|--|
| | Melayu | Jangan jaga tepi kain orang | Jangan masuk campur atau mengambil tahu hal orang lain. |
| 6 | Inggeris | <i>The tongue is sharper than the sword</i> | <i>Words that come out of the mouth are more painful than physical attacks.</i> |
| | Melayu | Lidah lebih tajam daripada mata pedang | Kata yang keluar dari mulut lebih menyakitkan daripada serangan fizikal. |
| 7 | Inggeris | <i>There is no venom to that of the tongue</i> | <i>The cruel things people sometimes say to one another can hurt more than the deadliest poison can.</i> |
| | Melayu | Keris lembing tiada tajam, lebih tajam mulut manusia | Kata yang keluar dari mulut lebih menyakitkan daripada serangan fizikal. |
| 8 | Inggeris | <i>Nothing is impossible to a willing heart</i> | <i>Someone who is eager, keen and determined can achieve anything.</i> |
| | Melayu | Hati hendak semua jadi | Tiada apa yang mustahil bagi orang yang mempunyai tekad atau semangat untuk berjaya. |
| 9 | Inggeris | <i>A closed mouth catches no flies</i> | <i>We should all be alert to grab the opportunities in our life.</i> |
| | Melayu | Dikulum menjadi manikam, dimuntah menjadi sekam. | Lebih wajar untuk berdiam diri daripada terus berkata-kata supaya konflik dapat dielakkan. |
| 10 | Inggeris | <i>A shut mouth catches no flies</i> | <i>It is best to say nothing.</i> |
| | Melayu | Dikulum menjadi manikam, dimuntah menjadi sekam | Lebih wajar untuk berdiam diri daripada terus berkata-kata supaya konflik dapat dielakkan. |

Jadual 1 menunjukkan peribahasa Inggeris yang menggunakan perlambangan pancaindera dan padanannya dari Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris-Melayu. Sebanyak 10 data peribahasa Inggeris yang menggunakan perlambangan pancaindera.

3.2 Perlambangan Pancaindera

Perlambangan mengandungi maksud implisit atau tersirat. Menurut Zurinah (2010), perlambangan juga merupakan bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Perlambangan ini dipilih apabila sesuatu objek tersebut mempunyai persamaan dengan sifat objek lain. Ahmad (2002) menyatakan perlambangan digunakan bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai 'makna' serta memberikan kesan terhadap perasaan serta pemikiran pembaca atau pendengar.

Pancaindera pula didefinisikan sebagai deria yang lima yang ada pada manusia iaitu deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat dan deria sentuh (Kamus Dewan Perdana, 2020). Kadar, M. Yusuf (2014) secara umum, memerihalkan bahawa indera manusia dalam perspektif al-Quran dapat dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu indera zahir, indera batin, dan indera kalbu. Indera zahir meliputi indera pendengaran, penglihatan, rasa, sentuh dan hidu. Manakala indera batin merujuk kepada pemikiran dan pemahaman manakala indera kalbu pula merujuk kepada perasaan atau emosi (hati).

Jelas di sini bahawa perlambangan pancaindera merujuk kepada perlambangan yang mempunyai makna tersirat yang melibatkan indera zahir (deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat dan deria sentuh), indera batin dan indera kalbu. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kerangka konsep pancaindera zahir dan pancaindera kalbu (hati) untuk menganalisis perlambangan pancaindera yang digunakan dalam setiap peribahasa yang berkaitan.

3.3 Prinsip Invarians

Kerangka analisis kajian ini melibatkan pengaplikasian Prinsip Invarians dalam pendekatan semantik kognitif. Semantik kognitif merupakan pendekatan yang berpaksikan kepada pengalaman lampau atau pengaruh persekitaran dan budaya sesuatu pengguna bahasa. Prinsip Invarians pula merujuk kepada analisis topologi kognitif yang menerapkan prinsip pemetaan struktur skema imej atau skema metaforikal daripada domain sumber kepada domain sasaran bagi peribahasa yang mengandungi perlambangan pancaindera. Analisis topologi kognitif ini diilhamkan daripada Prinsip Invarians yang diperkenalkan oleh Lakoff, G. (1993). Prinsip ini menjamin pembentukan skemata adalah konsisten dalam domain sumber kepada domain sasaran. Menurut prinsip ini, skemata metafora memelihara topologi kognitif (struktur skema imej) domain sumber ke dalam struktur skema imej bahasa sasaran. Tujuannya hanya satu iaitu penterjemahan yang lebih berkesan serta membawa rasa yang sama. Lakoff (1993) menghuraikan bentuk pengkategorian skema imej dalam ranah sumber (bekas, laluan) dipetakan kepada ranah sasaran (kategori, aturan linear) mengarahkan kepada satu prinsip yang dikenali sebagai Prinsip Invarians. Bagi memudahkan pemahaman terhadap Prinsip Invarians, adalah penting untuk tidak menganggap proses pemetaan sebagai satu algoritma (satu prosedur penyelesaian masalah) yang bermula dengan struktur ranah sumber seterusnya menutupi struktur ranah sasaran. Maksudnya di sini, seseorang hanya menyalin semula struktur skema imej daripada ranah sumber terus kepada ranah sasaran. Hal ini melanggar Prinsip Invarians yang dimaksudkan. Sebaliknya, Prinsip Invarians menekankan dalaman ranah sumber dipetakan kepada dalaman ranah sasaran, luaran ranah sumber dipetakan kepada luaran ranah sasaran, dan seterusnya. Justeru, terlebih dahulu harus menganalisis struktur skema ranah sumber dan kemudian dipetakan kepada struktur skema ranah sasaran. Berdasarkan kerangka prinsip tersebut, kajian ini memperlihatkan struktur skemata mandala atau perlambangan pancaindera dalam peribahasa Inggeris, dipindahkan dalam peribahasa Melayu.

Kajian yang mengaplikasikan semantik kognitif dalam melihat perlambangan dalam peribahasa dapat dilihat melalui kajian Amirah & Rozaimah (2011) dan Imran (2011). Kedua-dua kajian ini menjelaskan bahawa perlambangan yang digunakan dalam peribahasa seperti AIR dan ANJING dapat dikaitkan dengan falsafah pemikiran masyarakat. Sehubungan dengan itu, pendekatan semantik kognitif sangat berkait rapat dengan bidang terjemahan. Penterjemahan perlu digabungkan dengan teori atau pendekatan semantik untuk menghasilkan atau menilai hasil terjemahan yang benar-benar bermutu serta mampu menyampaikan maklumat sebenar kepada pembaca sasaran (Abdul Rahman & Hasuria, 2015). Falsafah penyelidikan dalam semantik kognitif yang cuba merungkai makna berdasarkan pengalaman, budaya dan konteks untuk menginterpretasi serta menjelaskan hubungan makna dan struktur kognisi yang terdapat dalam sesebuah masyarakat dengan lebih tepat berdasarkan data yang asli merupakan dasar kepada pendekatan ini.

Maka, perlambangan dalam peribahasa yang merupakan sebahagian daripada unsur budaya wajar diselidiki dengan tuntas menggunakan Prinsip Invarians. Ini kerana, prinsip ini mementingkan skema metaforikal yang terdapat dalam sesebuah peribahasa itu. Imran (2011) berpendapat bahawa peribahasa mempunyai skema metaforikal yang sejagat atau tidak sejagat tanpa mengira budaya. Hal ini kerana, sungguhpun terdapat perbezaan antara budaya dalam proposisi, adegan, skrip (cultural scripts), dan pandangan kenyataan tentang perlambangan yang digunakan dalam peribahasa itu, semua peribahasa (tidak kira budaya dan bahasa) mempunyai satu skema metaforikal sepunya berdasarkan struktur metaforikal peribahasa yang seterusnya dikategorikan dengan cara yang berbeza mengikut proposisi yang berbeza mengikut budaya dan bahasa masing-masing. Selain itu juga, skema metaforikal yang terdapat dalam sesebuah peribahasa dapat membantu dalam menentukan kesesuaian padanan terjemahan perlambangan yang betul dan tepat dalam sesebuah peribahasa daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran.

3.4 Prosedur Terjemahan Perlambangan Idiom

Bao & Bao (2004) dalam Goh & Boh (2020) menyatakan bahawa terdapat lima prosedur yang boleh digunakan untuk menterjemah perlambangan dalam idiom atau peribahasa. Pemindahan perlambangan dalam peribahasa bukan hanya melibatkan cara penyampaian maklumat antara dua bahasa malahan juga dikaitkan dengan faktor budaya, cara hidup dan cara pemikiran pembaca sasaran. Lima prosedur terjemahan perlambangan dalam peribahasa tersebut ialah:

- i. Perlambangan dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran.
- ii. Perlambangan dalam bahasa sumber diasimilasikan dalam bahasa sasaran.
- iii. Perlambangan dalam bahasa sumber digantikan dengan perlambangan lain dalam bahasa sasaran.
- iv. Perlambangan dalam bahasa sumber digugurkan dalam bahasa sasaran.
- v. Perlambangan dalam bahasa sumber digantikan dengan padanan peribahasa yang sejadi dalam bahasa sasaran.

4. Analisis dan Dapatan Kajian

Berikut adalah analisis dan perbincangan dapatan kajian yang berfokuskan aspek mengenal pasti dan menganalisis padanan dan prosedur terjemahan perlambangan pancaindera yang terdapat dalam peribahasa Inggeris-Melayu.

4.1 Perlambangan Pancaindera dalam Peribahasa Inggeris – Melayu

Jadual 2

Perlambangan Pancaindera dalam Peribahasa Inggeris

| Bil. | Perlambangan Pancaindera dalam Peribahasa Inggeris | Jumlah |
|--------------------|--|--------|
| 1. | Lidah | 3 |
| 2. | Mulut | 2 |
| 3. | Mata | 2 |
| 4. | Telinga | 1 |
| 5. | Hidung | 1 |
| 6. | Hati (perasaan) | 1 |
| Jumlah keseluruhan | | 10 |

Hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat enam perlambangan pancaindera yang terkandung dalam peribahasa Inggeris yang telah dikaji. Perlambangan pancaindera tersebut ialah lidah, mulut, mata, telinga, hidung dan hati (perasaan). Hasil analisis aspek perlambangan diringkaskan dalam Jadual 2. Daripada 10 peribahasa yang telah dianalisis, tiga perlambangan pancaindera lidah dan masing-masing dua perlambangan mulut serta mata. Perlambangan pancaindera telinga, hidung dan hati hanya ditemui satu sahaja.

Perbincangan diteruskan dengan memaparkan beberapa contoh analisis terhadap peribahasa Inggeris yang menggunakan perlambangan pancaindera.

Data 6

The tongue is sharper than the sword

Lidah lebih tajam daripada mata pedang

Words that come out of the mouth are more painful than physical attacks.

Kata yang keluar dari mulut lebih menyakitkan daripada serangan fizikal.


Data 7

*There is no venom to that of the **tongue***
 Keris lembing tiada tajam, lebih tajam **mulut** manusia

The cruel things people sometimes say to one another can hurt more than the deadliest poison can.
 Kata yang keluar dari mulut lebih menyakitkan daripada serangan fizikal.

Rajah 1


Skema metaforikal Data 6 *The **tongue** is sharper than the sword* dan **Lidah** lebih tajam daripada mata pedang



Berdasarkan Data 6 iaitu peribahasa *the **tongue** is sharper than the sword*, dapat dilihat pemetaan perlambangan pancaindera **TONGUE / LIDAH** dalam Rajah 1 menunjukkan **TONGUE** diibaratkan sebagai kata atau ujaran yang dituturkan oleh seseorang. Frasa *is sharper than* merujuk kepada kesakitan manakala *the sword* dipetakan kepada serangan fizikal. Begitu juga padanan peribahasa ini dalam bahasa Melayu, pemetaan daripada ranah sumber dan ranah sasarannya adalah sama. Pemetaan yang sama ini jelas menunjukkan ciri perlambangan pancaindera dan makna peribahasa dalam bahasa Inggeris dan Melayu juga adalah sama. Perlambangan dalam kedua-dua peribahasa ini merujuk kepada skema OBJEK iaitu pancaindera **LIDAH/TONGUE** dan perlambangan pedang juga digunakan dalam kedua-dua peribahasa ini.

Rajah 2

Skema metaforikal Data 7 *There is no venom to that of the **tongue*** dan Keris lembing tiada tajam, lebih tajam **mulut** manusia



Namun begitu untuk Data 7 pula, skema metaforikalnya boleh dilihat dalam Rajah 2. Perlambangan *TONGUE / LIDAH* dipetakan ke ranah sasaran *the cruel things people sometimes say* (kata-kata yang kejam), tetapi padannya dalam peribahasa Melayu menggunakan perlambangan pancaindera MULUT yang dipetakan kepada ranah ‘kata yang keluar dari mulut lebih menyakitkan’. Walaupun kedua-dua peribahasa ini menggunakan skema OBJEK, tetapi masing-masing merujuk kepada perlambangan *TONGUE / LIDAH* dan MULUT. Perbezaan juga wujud dalam pemilihan perlambangan *venom* (bisa) yang dipetakan ke ranah sasaran *poison* (racun) manakala dalam peribahasa Melayu, perlambangan keris dan lembing digunakan untuk menggambarkan serangan fizikal.

Data 10

A shut mouth catches no flies

Dikulum menjadi manikam, dimuntah menjadi sekam


It is best to say nothing.

Lebih wajar untuk berdiam diri daripada terus berkata-kata supaya konflik dapat dielakkan.

Seterusnya, peribahasa Data 10 memperlihatkan contoh penggunaan perlambangan pancaindera MULUT. Berdasarkan Rajah 3, frasa *A shut mouth* dipetakan kepada ranah sasaran *it is best* yang menggambarkan mulut yang ditutup adalah lebih baik, manakala frasa *catches no flies* pemetaannya melibatkan ranah perbuatan tidak menuturkan atau memperkatakan sesuatu iaitu *to say nothing*.

Rajah 3

Skema metaforikal Data 10 *A shut mouth catches no flies* dan **Dikulum** menjadi manikam, dimuntah menjadi sekam



Perlambangan yang digunakan dalam peribahasa Melayu untuk Data 10 merujuk kepada perbuatan yang menggunakan pancaindera MULUT. Kata kerja ‘dikulum’ dipetakan ke ranah sasaran perbuatan mendiamkan diri atau tidak mengeluarkan kata-kata. Perlambangan dalam kedua-dua peribahasa ini masih menggunakan skema imej OBJEK, tetapi lebih berfokus kepada perbuatan atau kata kerja yang melibatkan pancaindera MULUT.

Abdullah (2011) menyatakan bahawa peribahasa mempunyai skema metaforikal yang sejagat atau tidak sejagat tanpa mengira budaya. Hasil analisis menunjukkan terdapat perlambangan yang sejagat iaitu perlambangan pancaindera yang sama digunakan dalam peribahasa Inggeris dan Melayu iaitu pancaindera MATA, TELINGA, LIDAH, HATI dan MULUT.

4.2 Analisis Prosedur Terjemahan Perlambangan Idiom

Berdasarkan 10 peribahasa yang menggunakan perlambangan pancaindera yang telah dianalisis (rujuk Jadual 1), berpandukan prosedur terjemahan perlambangan idiom yang dikemukakan oleh Bao & Bao (2004). Berikut adalah analisis prosedur terjemahan perlambangan pancaindera yang telah digunakan dalam terjemahan *Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris Melayu* (2009).

4.2.1 Perlambangan dalam Bahasa Sumber Dikekalkan dalam Bahasa Sasaran

Prosedur terjemahan perlambangan dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran paling banyak digunakan, melibatkan enam peribahasa iaitu peribahasa Data 1, Data 2, Data 6, Data 8, Data 9 dan Data 10. Perlambangan pancaindera tersebut ialah pancaindera mata, telinga, lidah, hati dan mulut. Padanan perlambangan bagi Data 1, iaitu ungkapan *blind* ialah buta. Bagi Data 2, ungkapan *have ears* diberi padanan bertelinga. Data 6, ungkapan *tongue* diberi padanan lidah, Data 8, ungkapan *heart* diberi padanan hati. Akhir sekali, bagi Data 9 ungkapan *closed mouth* dan Data 10 *shut mouth*, kedua-dua ungkapan tersebut diberi padanan dikulum. Ini menunjukkan semua perlambangan ini dalam keenam-enam data menggunakan perlambangan pancaindera yang sama dalam kedua-dua bahasa, yakni bahasa sumber dan bahasa sasaran. Dengan kata lain, semasa terjemahan dilakukan, perlambangan dalam bahasa sumber telah dikekalkan dalam bahasa sasaran. Hal ini selari dengan (Chen Wen Bo, 2005: 223-225) yang mengatakan terjemahan idiom dalam kamus seboleh-bolehnya menggunakan bahasa sasaran untuk menjelmakan semula idiom dengan penekanan yang sama terhadap lambang dan makna idiom serta mengutamakan keperluan pengguna kamus dengan memberikan keterangan dan contoh penggunaannya dalam setiap masukan dalam kamus

4.2.2 Perlambangan dalam Bahasa Sumber Digantikan dengan Perlambangan Lain dalam Bahasa Sasaran

Terdapat juga prosedur perlambangan dalam bahasa sumber digantikan dengan perlambangan lain dalam bahasa sasaran seperti dalam peribahasa Data 3, Data 4, Data 5 dan Data 7. Bagi Data 3, padanan diberikan untuk ungkapan *look* (merujuk kepada mata) ialah telinga. Bagi Data 4, ungkapan *taste* (merujuk kepada lidah) diberi padanan hati. Dalam data 5, ungkapan *nose* diberi padanan tepi kain. Akhir sekali, bagi Data 7, ungkapan *tongue* diberikan padanan mulut. Berdasarkan padanan bagi perlambangan dalam keempat-empat data di atas jelas menunjukkan bahawa prosedur yang digunakan dalam menterjemah adalah dengan menggantikan perlambangan dalam bahasa sumber dengan perlambangan lain dalam bahasa sasaran. Hal ini boleh dilakukan kerana dalam melakukan terjemahan yang diutamakan adalah ketepatan padanan. Walaupun dalam ketiga-tiga data di atas padanan yang diberi menggunakan perlambangan yang berbeza, namun dari segi maknanya tepat.

Berdasarkan sepuluh data yang berkaitan dengan perlambangan pancaindera yang telah dibincangkan di atas, hanya dua prosedur daripada lima prosedur yang dinyatakan oleh Bao & Bao (2004) digunakan, iaitu perlambangan dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran, dan perlambangan dalam bahasa sumber digantikan dengan perlambangan lain dalam bahasa sasaran.

5. Kesimpulan

Pengaplikasian Prinsip Invarians dalam kajian ini melalui pemetaan topologi kognitif peribahasa kedua-dua bahasa dapat diperlihatkan dengan lebih jelas untuk memudahkan huraian yang bersifat deskriptif dan eksplanatori. Prinsip Invarians ini juga dapat membantu dalam kerja-kerja terjemahan perlambangan kerana struktur skemata mandala atau perlambangan pancaindera dalam peribahasa Inggeris yang dipindahkan dalam peribahasa Melayu dapat ditentukan ketepatan padanannya secara berpadu. Prinsip ini yang mementingkan pengalaman lampau atau pengaruh persekitaran dan budaya sesuatu pengguna

bahasa dapat menjadi pedoman dan pegangan penterjemah dalam melaksanakan penterjemahan yang baik dan bermutu. Selain itu juga, penterjemahan perlambangan dalam peribahasa jelas mempunyai prosedurnya yang tersendiri. Hasil analisis menunjukkan bahawa, prosedur terjemahan perlambangan yang telah digunakan dalam *Buku Peribahasa dan Ungkapan Inggeris-Melayu* (2009) ialah perlambangan dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran dan perlambangan dalam bahasa sumber digantikan dengan perlambangan lain dalam bahasa sasaran. Chen (2005) menyatakan bahawa terjemahan peribahasa dalam kamus atau buku mestilah bersifat menyeluruh, iaitu mesti merangkumi aspek perlambangan, makna dan bunyi peribahasa. Aspek perlambangan atau makna selalunya diabaikan dalam terjemahan dan untuk mengatasi masalah ini, kedua-dua prosedur terjemahan literal dan terjemahan makna sering diterapkan bersama-sama dalam terjemahan peribahasa dalam kamus atau buku, iaitu masing-masing digunakan untuk memindahkan perlambangan dan makna peribahasa.

Rujukan

- Abdullah, I.H. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan “anjing” (*Canis Familiaris*). *GEMA Online Journal of Language Studies*. 11 (1): 125-141. [http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2011%20\(1\)pp125_141.pdf](http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2011%20(1)pp125_141.pdf)
- Abdul Rahman, N.E. & Ab. Halim, Z. (2016). Penterjemahan Bahasa Kiasan Dalam Sari Kata Drama Arab *Flag Of Truth*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 3 Bil 2. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files5/jsass_vol3bil2_008_eliza.pdf
- Ahmad, A. & Rashidin, R. (2011). Terjemahan Air dalam peribahasa Melayu-Inggeris: analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik*, Volume 13, Jun 2011, 1 – 12
- Ahmad, Z.A., (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ardi, N., Mohamad, M., Rashidin, R., & Jantan, Z. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. Puchong Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.
- Bassnett, S. (1991). *Translation studies*. London; New York: Routledge.
- Chen, W.B. (2005). Perbandingan dan Terjemahan Peribahasa Inggeris – Cina. Beijing: Shi Jie Zhi Shi Chub Ban She.
- Goh, S.S. (November 2009). Pemindahan Lambang ‘Padi’ dalam Penterjemahan BM-Mandarin. Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5 (hal: 17-18). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh, S.S & Boh P.E. (2020). *Penerokaan terjemahan makna idiom bahasa Cina – bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh S.S & Boh P.E. (2014). Analisis Strategi Penterjemahan Chengyu Ke Dalam Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studie*. Volume 14(2), June 2014. <http://dx.doi.org/10.17576/GEMA-2014-1402-06>
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. English Language Series, London: Longman.
- Hassan, Z. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussain, A. (2006). *Canai budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jambi, J. & Abdullah, N. (2018). Strategi Terjemahan Bahasa Figuratif dalam Novel Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*. Vol. 5 (2018). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JBBJ/issue/view/1310>.

- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Lakoff, G. (1993). The Contemporary Theory of Metaphor. In A. Ortony (Ed.), *Metaphor and Thought* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- M. Yusuf, K. (2014). indera manusia menurut Al-Quran dan psikologi Konvensional: suatu kajian perbandingan. *Jurnal Hadhari* 6 (2) (2014) 55-69. <https://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/12410>
- Mandali, A.R & Che Omar, H. (2015). Aspek metafora dalam Rentong dan Srengenge: analisis kaedah penterjemahan dan pemindahan makna. *Jurnal Bahasa*, Jilid 15 Bil. 2, 2015. <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2015/11/4-Srengenge.pdf>
- Merriam-Webster. (n.d.). Love is blind. In Merriam-Webster.com dictionary. Retrieved June 17, 2021, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/love%20is%20blind>
- Merriam-Webster. (n.d.). Walls have ears. In Merriam-Webster.com dictionary. Retrieved June 17, 2021, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/walls%20have%20ears>
- Merriam-Webster. (n.d.). Look before one leaps. In Merriam-Webster.com dictionary. Retrieved June 17, 2021, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/look%20before%20one%20leap>
- Mohd Sa'ad, M.L.I.H., Zainon Hamzah, Z.A., Zakaria, Z.Z., & Mohamed, M.S, (2015). Kajian Fenomena Antara Idiom Dan Kolokasi: Satu Analisis Terjemahan Struktur Dan Makna. *Jurnal Linguistik*. Vol. 19(2) Disember 2015, 010-023.
- Muslim, A. (2009). *Peribahasa dan Ungkapan Inggeris – Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, Y. (2005). Trend dalam pengajaran bahasa Melayu. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Shabudin, M. (April 2005). Unsur sosio-budaya dalam terjemahan sari kata di media massa : Satu kajian kes. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- White, M.D., & Marsh, E.E. (2006). Content Analysis: A Flexible Methodology. *Library Trends* 55(1), 22-45. doi:10.1353/lib.2006.0053
- Zainon Hamzah, Z.A., & Mat Hassan, A.F. (2011). *Peribahasa Melayu : Penelitian makna dan nilai*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Biodata Penulis

Zuraidah Jantan merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah fonetik, fonologi, analisis wacana dan semantik.

Rozaimah Rashidin (PhD) ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik, semiotik visual dan linguistik korpus.

Norizah Ardi (PhD) merupakan Prof. Madya di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah sosiolinguistik, terjemahan, tatabahasa Melayu dan analisis kontrastif.

Azhar Ab Wahab merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah terjemahan, tatabahasa Melayu, pembangunan media interaktif serta pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur bukan natif.